

**Hubungan Malaysia Dan Amerika Syarikat Di Landasan Betul
Bernama
04 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) berada di landasan yang betul ke arah memperkukuh bidang perniagaan, politik, keselamatan dan kebudayaan, kata Duta AS ke Malaysia Datuk Paul W. Jones.

"Bila saya melihat betapa rapatnya rakyat kita, bila saya bertemu dengan generasi muda Malaysia dan Amerika, saya optimis dengan masa depan kita.

"Hubungan kita mesra, erat dan dinamik yang menyumbang kepada kemakmuran dan keselamatan untuk rakyat kita," katanya ketika berucap pada perayaan sempena sambutan ulang tahun ke-236 kemerdekaan Amerika Syarikat di sini Selasa.

Jones berkata usaha oleh kedua-dua pemimpin negara iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden AS Barack Obama akan terus meningkatkan hubungan dua hala antara kedua negara.

"Melihat ke hadapan, banyak lagi yang boleh dan telah kita lakukan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara kedua negara yang memberi manfaat kepada rakyat," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=677815>